



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# FALSAFAH TRADISIONAL VIETNAM DALAM PERJUANGAN KEMERDEKAAN HO CHI MINH 1954-1969



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

RAJA NOR AZURA BINTI RAJA ISMAIL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## FALSAFAH TRADISIONAL VIETNAM DALAM PERJUANGAN KEMERDEKAAN HO CHI MINH 1954-1969

RAJA NOR AZURA BINTI RAJA ISMAIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 6/7/2021

#### Student's Declaration:

Saya, RAJA NOR AZURA BINTI RAJA ISMAIL, M20152002116 FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk FALSAFAH TRADISIONAL VIETNAM DALAM PERJUANGAN KEMERDEKAAN HO CHI MINH 1954-1969 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

#### Supervisor's Declaration:

Saya PROF MADYA DR AHMAD ZAINUDDIN BIN HUSINdengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk FALSAFAH TRADISIONAL VIETNAM DALAM PERJUANGAN KEMERDEKAAN HO CHI MINH 1954-1969 dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA SASTERA

31.8.2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia

**PROF. MADYA DR. AHMAD ZAINUDIN BIN HUSIN**  
Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim, Perak





**UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS**  
او نیز رسیتی پنديدیقون سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY  
INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: FALSAFAH TRADISIONAL VIETNAM DALAM PERJUANGAN  
KEMERDEKAAN HO CHI MINH 1954-1969

No. Matrik / Matric's No.: M20152002116

Saya / I: RAJA NOR AZURA BINTI RAJA ISMAIL

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
- i. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
- ii. *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
- iii. *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
- iv. *The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.*
5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /  
*Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /  
*Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 26.8.2021

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

**PROF. MADYA DR. AHMAD ZAINUDIN BIN HUSIN**  
Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Profesor Madya Dr Ahmad Zainudin Bin Husin dan Dr Rabaah Bt Abdullah atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan oleh kedua-dua orang penyelia saya banyak membantu kepada kejayaan tesis ini. Saya amat menghargai kesabaran Professor Madya Dr Ahmad Zainudin yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran, senang dihubungi dan cepat dalam tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang pengajian ini. Semangat kesabaran, pembacaan yang teliti, minat terhadap kajian ini serta maklum balas daripada beliau yang menyakinkan amat membantu untuk menyempurnakan tesis ini.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang membenarkan saya untuk mendapatkan bahan mengenai kajian yang saya jalankan. Tesis ini tiada mungkin dapat selesai tanpa bantuan daripada pelbagai pihak. Saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada kakitangan pihak Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaya, Arkib Negara Malaysia dan Institut of Southeast Asian Studies, Singapore yang membenarkan saya untuk mendapatkan bahan bagi tujuan rujukan. Penghargaan juga ditujukan kepada kakitangan Fakulti Sains Kemanusiaan dan Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang membantu saya secara langsung dan tidak langsung.

Demikian pula ucapan terima kasih saya sampaikan kepada sahabat-sahabat saya Pelajar UPSI seperti Elena Cheah dan sahabat yang sentiasa terbuka untuk memberi pandangan tentang kajian saya serta memberi sokongan dalam pelbagai hal. Seterusnya, saya ingin merakam penghargaan kepada ibubapa dan keluarga atas dorongan dan memberi sokongan moral mahupun kewangan kepada saya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Merekalah yang menjadi sumber inspirasi kepada saya ketika menyiapkan kajian ini. Semoga tesis ini menjadi pendorong kepada mereka dalam usaha mencapai kejayaan.

Akhir sekali, kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini diucapkan terima kasih. Semoga karya ini akan memberi manfaat kepada sekalian anggota masyarakat terhadap pembangunan bangsa dan negara pada masa akan datang.

Raja Nor Azura Binti Raja Ismail  
M20152002116  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjong Malim  
Perak, Malaysia.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai kepentingan falsafah tradisional Vietnam dalam perjuangan kemerdekaan Ho Chi Minh menentang Perancis. Ia memfokuskan tentang sumbangan falsafah tradisional Vietnam dalam menjayakan usaha perjuangan kemerdekaan pimpinan Ho Chi Minh 1954-1969. Kajian ini menggunakan metodologi sejarah yang bersifat kualitatif. Metodologi sejarah terdiri daripada empat elemen utama iaitu heuristik, kritikan sumber, pentafsiran dan penulisan sejarah. Proses heuristik yang utama dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah kepustakaan, iaitu kajian terhadap sumber bertulis. Sumber bertulis yang digunakan ialah sumber primer dan sekunder. Sumber primer terdiri daripada dokumen tentang idea perjuangan Ho Chi Minh dan falsafah tradisional Vietnam. Ia termasuk teks ucapan dan ceramah, naskah puisi Nguyen Trai dan akhbar. Sumber kedua pula daripada jurnal, buku, majalah dan tesis yang tidak diterbitkan. Bahan yang diperolehi seterusnya dinilai dari segi kesahihan dan ketulinannya melalui kaedah kritikan dalaman dan luaran. Seterusnya data yang diperolehi ditafsir dan persembahkan dalam bentuk karya sejarah yang menekankan aspek sebab dan akibat serta perubahan dan kesinambungan sesuatu peristiwa. Hasil kajian menunjukkan kejayaan Ho Chi Minh dalam menarik penyertaan rakyat Vietnam dalam memperjuangkan kemerdekaan banyak dipengaruhi oleh kemampuannya dalam memanipulasi falsafah tradisional Vietnam melalui penulisan dan pidatonya. Pengaruh falsafah Nguyen Trai sentiasa kelihatan dalam setiap ceramah dan penulisan akhbar Ho Chi Minh, berjaya membangkitkan semangat perjuangan dalam kalangan masyarakat Vietnam. Implikasi kajian ini dapat membuktikan perjuangan sesuatu bangsa perlu berpegang kepada falsafah tradisionalnya yang telah berakar umbi dalam budaya sesebuah masyarakat. Oleh itu bagi melahirkan sebuah bangsa yang kuat pengajaran falsafah tradisional bangsa utama sesebuah negara perlu dimasukkan ke dalam sistem pendidikan formal untuk dipelajari dan dihayati oleh seluruh masyarakat.





## FALSAFAH TRADISIONAL VIETNAM DALAM PERJUANGAN KEMERDEKAAN HO CHI MINH 1954-1969

### ABSTRACT

This study aims to evaluate the importance of Vietnamese traditional philosophy in Ho Chi Minh's independence struggle against France. It focuses on the contribution of Vietnamese traditional philosophy to the success of Ho Chi Minh's independence struggle in 1954-1969. This study uses historical methodology with qualitative approach. The historical methodology consists of four main elements namely heuristics, resource critique, interpretation and historical writing. The main heuristic process in this study was library studies method, which is the study on written sources. The category of sources are divided into primary and secondary. The primary source consists of documents on the ideas of Ho Chi Minh's struggle and Vietnamese traditional philosophy. It's include speech and writing of Ho Chi Minh, Nguyen Trai poetry texts and newspapers. The secondary source is includes journals, books, magazines and unpublished theses. The source were evaluated of its authenticity and genuinity by using the method of internal and external criticism. Subsequently, the data obtained is interpreted and presented in the form of historical works that emphasize the causes and consequences as well as the change and continuity of events. The findings show that Ho Chi Minh's success in attracting Vietnamese participation in the struggle for independence was greatly influenced by his ability to manipulate traditional Vietnamese philosophy through his writing and speech. The influence of Nguyen Trai's philosophy which always appear in every speech and writings of Ho Chi Minh, successfully evoking the spirit of struggle among Vietnamese people. The implications of this study prove that the struggle of a nation must adhere to its traditional philosophy rooted in the culture of a society. Therefore, in order to produce a strong nation the teaching of the traditional philosophy of the majority nation's must be incorporated into the formal education system for the whole community to learn and appreciate.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
------------------------------------	----

<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK</b>	iii
---	-----

<b>PENGHARGAAN</b>	iv
--------------------	----

<b>ABSTRAK</b>	v
----------------	---

<b>ABSTRACT</b>	vi
-----------------	----



<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
----------------------	----

<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
--------------------------	-----

<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
-------------------------	-----

<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	1
--------------------------	---

1.1 Pengenalan	1
----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	2
---------------------------	---

1.3 Permasalahan Kajian	4
-------------------------	---

1.4 Objektif Kajian	5
---------------------	---

1.5 Skop Kajian	5
-----------------	---

1.6 Tujuan Kajian	6
-------------------	---





1.7 Metodologi Kajian	7
1.8 Literature Review	11
1.9 Pembahagian Bab	17
<b>BAB 2 LATAR BELAKANG PERJUANGAN MASYARAKAT VIETNAM</b>	<b>19</b>
2.1 Pendahuluan	19
2.2 Latarbelakang Masyarakat Vietnam	22
2.3 Falsafah Tradisional Perjuangan Masyarakat Vietnam	30
2.4 Latar Belakang Nguyen Trai	32
2.5 Pengaruh Falsafah Nguyen Trai terhadap masyarakat Vietnam moden	37
2.6 Falsafah Tradisional Vietnam Menurut Fahaman Ho Chi Minh	43
2.7 Kesimpulan	78
<b>BAB 3 PERJUANGAN PEMBEBASAN VIETNAM PIMPINAN HO CHI MINH</b>	<b>79</b>
3.1 Pengenalan	79
3.2 Ho Chi Minh dan Ideologi Komunisme	81
3.3 Ho Chi Minh dan Ideologi Politik	83
3.4 Ho Chi Minh dan Fahaman Trotskyite	92
3.5 Perubahan Corak Perjuangan Ho Chi Minh	95
3.5.1 Pertembungan antara Ideologi dan Falsafah Tradisional Vietnam	102
3.5.2 Ancaman Perancis dan Penetapan corak Perjuangan	106





3.6 Kesimpulan	110
<b>BAB 4 FALSAFAH PERJUANGAN HO CHI MINH DALAM MENGHADAPI PERANCIS</b>	112
4.1 Pengenalan	112
4.2 Falsafah tradisional Vietnam Ho Chi Minh dalam diplomasi antarabangsa	114
4.3 Falsafah Tradisional Sebagai Alat Mendekati Masyarakat Vietnam	116
4.4 Falsafah Tradisional dan Ho Chi Minh Dalam Strategi Propaganda	119
4.5 Falsafah Tradisional Ho Chi Minh dan pembentukan Parti Politik	124
4.5.1 Pengaruh Falsafah Nguyen Trai dan Ideologi Stalinism Terhadap Perjuangan Ho Chi Minh	130
4.6 Falsafah Tradisional Ho Chi Minh dalam Hubungan dan Pemimpin China	131
4.7 Falsafah Tradisional dalam Strategi Politik Ho Chi Minh	149
4.8 Kesimpulan	154
<b>BAB 5 KESEPADUAN ANTARA FALSAFAH TRADISIONAL DENGAN IDEOLOGI KOMUNIS DALAM PERJUANGAN KEMERDEKAAN VIETNAM</b>	155
5.1 Pengenalan	155
5.2 Falsafah Tradisional dalam menggerakkan perpaduan masyarakat Vietnam	156
5.3 Falsafah Tradisional dan Pemberontakan ke atas Perancis	157
5.4 Falsafah Tradisional dan Kemerdekaan Vietnam	161





5.5 Penangkapan Ho Chi Minh dan Penyebaran Falsafah Vietnam dalam Penjara	165
5.5.1 Falsafah Tradisional dalam Strategi Pembebasan Ho Chi Minh	169
5.5.2 Falsafah Tradisional dalam Strategi politik Ho Chi Minh	177
5.5.3 Pengalaman Berharga di dalam Penjara	182
5.6 Falsafah Tradisional dalam Strategi Politik menentang Amerika Syarikat	195
5.7 Kesimpulan	208
<b>BAB 6 KESIMPULAN</b>	209
<b>RUJUKAN</b>	216
<b>LAMPIRAN</b>	228





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Jumlah Orang Cina di Nam Ky pada tahun 1819	20
2.2 Vietnam era pemerintahan Maharaja Le Loi	36





## SENARAI SINGKATAN

AGAS	Air Ground Aid Services
BNTS	Bien nien tieu su, chronology of Ho Chi Minh's activities
CAOM SLOTFOM	Service de Liaison des Originaires des Territoires d' Outre-Mer CAOM, RST      Residence Superieure du Tonkin
CAOM	Centre des Archives d'Outre-Mer, in Aix-en-Provence, France
CAOM, GGI, CM	Gouvernement general de l'Indochine, Commission militaire
CAOM, Indo NF	nouveau fonds Indochine
DRV	Democrate Republic of Viet Nam
OSS	Office of Strategic Services
PKA	Parti Komunis Annamite (An Nam Cong San Dang )
PKC	Parti Komunis China
PKI	Communist Party Indochinese
PKP	Parti Komunis Perancis
PKV	Parti Komunis Vietnam
PSP	Parti Sosialis Perancis
QDNZ	Quan Doi Nhan Zan ( People's Army, referring to NXB QDNZ : People's Army's Publishing House )
RHMC	Revue d'Histoire Moderne et Contemporaine
USSR	Union of Soviet Socialist Republics





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

VNQDD

Viet Nam Quoc Dan Dang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN

A	Sajak Proclamation Of Victory Over The Wu	231-233
B	Sajak After the chaos of wartime	234-235
C	Sajak Thanh Minh	236-237
D	Sajak Listening to the Rain	238
E	Sajak For a friend	239
F	Sajak Autumn : the sound of beating cloth in a village	240
G	Sajak To a friend i	241
H	Sajak How a traveller feels on an autumn night	242
I	Sajak Written at ease on a summer day	243
J	Sajak Poem Using the Rhymes of a Tan Trai poem	244





## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Ho Chi Minh dan Nguyen Trai merupakan dua tokoh penting dalam perjuangan pembebasan Vietnam dari dua zaman yang berbeza. Ho Chi Minh merupakan tokoh perjuangan tahun 1860-1949 manakala Nguyen Trai pula merupakan tokoh pejuang pembebasan zaman tradisional iaitu tahun 1380-1442. Nguyen Trai memperjuangkan kebebasan kerajaan Vietnam daripada penceroboh Dinasti Ming manakala Ho Chi Minh pula memperjuangkan kemerdekaan Vietnam dari kuasa-kuasa besar seperti China, Perancis, Rusia dan Amerika Syarikat. Pada dasarnya matlamat perjuangan mereka adalah sama iaitu kebebasan dan kemerdekaan rakyat Vietnam daripada cengkaman kuasa asing.

Daripada aspek pengalaman sebagai seorang pejuang, kedua-dua tokoh ini turut mendapatkan sokongan daripada pihak luar Vietnam bagi menyelesaikan masalah penjajahan yang pada masa tersebut. Sebagai seorang pejuang, semangat, sikap,





perasaan, jiwa, emosi, fizikal dan mental perlu kuat untuk menghadapi setiap cabaran yang mendarat. Kekurangan senjata, ilmu, rakan-rakan, semangat juang pengikut memaksa mereka mencari penyelesaian dari luar Vietnam. Elemen spiritual yang diperolehi melalui falsafah tradisional yang berteraskan kepada fahaman Konfucius menjadi asas kepada kemantapan perjuangan pembebasan kedua-dua tokoh. Sesuai dengan perubahan era, Ho Chi Minh perlu memperjuangkan sebuah negara Vietnam yang berideologi tertentu. Pengalaman serta pendidikan telah mendorong beliau memilih ideologi Marxisme sebagai asas perjuangannya dalam pembentukan negara bangsa Vietnam. Ini menyebabkan beliau terpaksa menghadapi halangan daripada kuasa Barat khususnya Perancis dan Amerika Syarikat yang enggan bekerjasama dengannya berikutan perbezaan ideologi yang diperjuangkan. Sebagai pejuang kebangsaan, Ho Chi Minh tidak dapat lari daripada mendapatkan sokongan sebahagian besar masyarakat Vietnam dari segenap lapisan. Untuk memastikan usaha tersebut berjaya, beliau telah mengadaptasi ideologi Marxis agar selari dengan falsafah tradisional yang menjadi pegangan utama masyarakat Vietnam.

Berdasarkan kajian awal tentang perjuangan Ho Chi Minh,<sup>1</sup> beliau banyak mengadaptasi ideologi Marxis dengan falsafah tradisional Nguyen Trai, yang ditulis dalam bentuk sajak, ucapan dan syair.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Gerakan pembebasan Vietnam bermula sejak awal abad ke-20 lagi. Walau bagaimanapun ia begitu hebat selepas tahun 1946 iaitu semasa pendudukan semula

---

<sup>1</sup> Selepas ini akan dikenali sebagai Ho.



Perancis di Vietnam. Era ini memperlihatkan perjuangan yang bercorak revolusioner dalam mengekang kemasukan semula kuasa penjajah tersebut. Perjuangan revolusioner Ho semasa kolonial Perancis, beliau digambarkan sebagai seorang tokoh yang luar biasa semasa eranya. Perjuangan yang dibawa beliau memberi penyatuan besar kepada masyarakat Vietnam kerana semasa berusaha untuk menentang Perancis, Ho telah mencipta sesuatu yang diperlukan pada zaman itu iaitu upah. Setiap rakyat yang berjuang menentang penjajah akan diberikan upah sekiranya mereka berjaya dalam sesuatu misi penentangan.

Pergerakan Ho Chi Minh bermula sejak beliau di zaman kolej lagi iaitu pada tahun 1908 yang diketuai oleh dirinya sendiri. Perancis mengenakan cukai-cukai yang tinggi kepada masyarakat dan disebabkan itu Ho dan kawan-kawannya mula menyebarkan sajak-sajak patriotik dan menggesa petani untuk tidak berganjak daripada tanah milik mereka sendiri.<sup>2</sup> Semangat dan kesedaran yang ada dalam diri beliau pada masa itu membawa kepada pergerakan dalam perjuangan beliau untuk menentang kuasa Perancis yang ingin mengambil kesempatan ke atas mereka. Semangat Ho dapat dilihat apabila, beliau melaungkan kata-kata ini,

*“Our Countrymen are asking the French to repeal taxes. It’s our duty to help our people, because we know French!”<sup>3</sup>*

Ho Chi Minh banyak terlibat dalam anjuran Komunis antarabangsa seperti Kongress Petani Antarabangsa di Moscow, Kongress Antarabangsa Komunis, Parti

---

<sup>2</sup> Yevgeny Kobelev. 1989. *Ho Chi Minh*. Moscow : Progress Publishers. Hlm, 21

<sup>3</sup> *ibid.* Hlm, 21



Komunis Perancis dan Parti Komunis Vietnam. Idea kesedaran beliau tentang dasar kerajaan berjaya mempengaruhi kebanyakannya peserta yang hadir. Beliau juga mampu untuk mendorong rakyat Vietnam untuk melindungi tanah air sendiri. Untuk memahami kekuatan yang dimiliki Ho Chi Minh, penganalisisan terhadap idea komunisme Ho Chi Minh ini dan hubungannya dengan falsafah tradisional Vietnam perlu dilaksanakan secara mendalam. Ini sekali gus dapat membuktikan kepentingan falsafah tradisional dalam pembentukan negara bangsa dan jatidiri masyarakat Vietnam yang diusahakan beliau.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Penyebaran kesedaran melalui sajak merupakan salah satu faktor utama yang menjadikan rakyat Vietnam menentang penjajah. Walau bagaimanapun, banyak kajian tentang Ho Chi Minh dijalankan tetapi kajian tentang pengaruh falsafah tradisional yang diserap oleh beliau belum dikaji secara ilmiah. Sedangkan pencapaian beliau telah menjadikan Vietnam sebagai sebuah negara yang terkenal dengan seni sajak dan syair sehingga kini.

Menyedari hakikat tersebut, kajian ini ingin merungkai sejarah kerajaan Vietnam dalam memperjuangkan kebebasan dan kemerdekaan melalui falsafah-falsafah pada zaman klasik dan moden dalam memastikan Vietnam terlepas daripada cengkaman Dinasti Ming serta Perancis.





Penyelidikan ini memfokuskan kepada penyebaran semangat nasionalisme falsafah negara yang disebarluaskan melalui syarahan, debat serta sajak dan syair. Matlamat kajian ini ialah untuk membuktikan bahawa penyebaran falsafah ini selari dengan kebijaksanaan tempatan serta budaya masyarakat mampu mempertahankan kedaulatan Vietnam.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Tujuan utama kajian ini adalah :

1. Mengkaji sumbangan falsafah tradisional masyarakat Vietnam yang diasaskan Nguyen Trai terhadap pembentukan jati diri masyarakat.
2. Menganalisis hubungkait falsafah moden perjuangan Ho Chi Minh dengan pengaruh falsafah tradisional Nguyen Trai dalam perjuangan rakyat Vietnam.
3. Menilai kepentingan falsafah tradisional Vietnam terhadap kejayaan Ho Chi Minh dalam pembinaan negara bangsa Vietnam.

#### **1.5 Skop Kajian**

Penyelidikan ini menumpukan kepada sejarah perjuangan Ho Chi Minh dan Nguyen Trai (1380-1442). Tumpuan kepada penilaian terhadap keberkesanan strategi gerakan nasionalisme dalam memastikan kerajaan Vietnam terus bertahan meskipun diancam oleh pihak penjajah seperti China, Rusia, Perancis dan Amerika Syarikat. Tempoh kajian ini bermula pada 1890 adalah bersesuaian dengan bermulanya penjajahan Perancis. Tahun 1969 iaitu penamat kepada kajian ini ekoran daripada pengakhiran





hidup tokohnya. Walau bagaimanapun, perbincangan latar belakang kerajaan Vietnam dimulai seawal 1380 bagi memperlihatkan asal usul kerajaan Vietnam diceroboh sehingga menjadi titik permulaan muncul jati diri dan falsafah diri rakyat Vietnam. Fokus perbincangan menjurus kepada aspek penyebaran falsafah yang diatur dan dilaksanakan oleh Ho Chi Minh dan Nguyen Trai. Aspek tersebut termasuklah penciptaan sajak dan syair dalam merancang penyebaran semangat nasionalisme Vietnam. Hal ini kerana untuk melihat konsep perjuangan yang dibawa oleh Ho Chi Minh melalui penterjemahan falsafah Nguyen Trai. Kisah hidup dan latar belakang Nguyen Trai dengan Ho Chi Minh tidak jauh berbeza memandangkan mereka mempunyai pertalian darah<sup>4</sup> dan ini akan menjadi persoalan mengapa perjuangan kemerdekaan Ho Chi Minh itu dapat disatukan dengan perjuangan pembebasan oleh Nguyen Trai walaupun mereka dipisahkan oleh abad yang begitu berbeza. Perkaitan antara falsafah moden yang dibawa berasaskan pengaruh falsafah tradisional disentuh di bahagian bab lima dan rumusan bagi memperlihatkan kejayaan penyebaran falsafah oleh Nguyen Trai dan Ho Chi Minh sehingga Vietnam bebas dari Perancis.

## 1.6 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kepentingan falsafah tradisional perjuangan Ho Chi Minh dalam memperkuuhkan sokongan masyarakat Vietnam dalam perjuangan kemerdekaan negara tersebut. Apabila bercakap tentang Ho Chi Minh , ramai penulis yang mengetengahkan perjalanan perjuangan beliau seperti penglibatan

<sup>4</sup> Jean Lacouture. 1968. *Ho Chi Minh*. Terjemahan Peter Wiles. London : Allen Lane the Penguin Press. Hlm,4





beliau dalam Parti Komunis Vietnam dan Parti Komunis China dan sebagainya sejak daripada penglibatan awal beliau berjuang demi mencapai kemerdekaan negara daripada penjajahan Perancis.<sup>5</sup> Tetapi tiada lagi penulis yang mengkaji tentang bagaimana perjalanan beliau sebagai pejuang berkaitan dengan falsafah pembebasan Nguyen Trai dan tidak ramai yang menganalisa tentang bagaimana Ho Chi Minh mengendalikan perang dengan berlandaskan falsafah Nguyen Trai. Jadi di sini tujuan kajian penulis adalah menganalisa tentang bagaimana perjuangan Ho Chi Minh ini dilaksanakan atas landasan yang berpandukan kepada falsafah Nguyen Trai dan seterusnya membawa kepada kejayaan beliau memimpin semasa era penjajahan Perancis.



Penyelidikan sejarah merupakan satu usaha untuk merekonstruk masa lalu untuk menghasilkan pemahaman bagi menjelaskan bagaimana generasi terdahulu menyelesaikan masalah dengan keterbatasan ruang dan peluang ketika itu. Bagi melaksanakan tugas tersebut, kaedah kualitatif digunakan bagi memastikan penghasilan karya yang mampu memenuhi falsafah sejarah itu sendiri.

Kajian ini memfokuskan kepada pengaruh falsafah tradisional dalam perjuangan moden menggunakan falsafah yang lama dan diinterpretasikan ke dalam setiap strategi dan langkah membebaskan kongkongan kuasa Perancis, China, Rusia

---

<sup>5</sup> Bui Tin. 1991. *Following Ho Chi Minh : The Memoirs of a North Vietnamese Colonel*. London : C.Hurst and Co Ltd. Hal, 47





dan Amerika Syarikat dalam kerajaan Vietnam. Sumber yang digunakan dalam penulisan ini meliputi sumber primer berupa dokumen yang diperolehi daripada Arkib dalam dan luar negara. Dokumen yang diperolehi daripada dalam negara meliputi dokumen Arkib Negara Malaysia yang berbentuk ucapan dan dokumen kementerian luar. Dokumen dari Arkib Luar Negara perlu diperolehi daripada penyelidik yang memiliki bahan tersebut atau koleksi peribadi yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia. Dokumen daripada arkib Vietnam pula diperolehi secara online daripada laman web agensi tersebut.

Bahan-bahan yang diperolehi oleh penulis adalah daripada sumber primer dan sekunder. Sumber sekunder yang digunakan dalam penyelidikan ini berupa buku, penerbitan rasmi, jurnal dan penulisan lain yang diterbitkan seperti surat khabar, majalah dan penerbitan lain yang berkaitan. Sumber sekunder ini turut membantu penyelidik dalam mendapatkan pandangan penulis sebelumnya bagi melengkapi penyelidikan selain daripada mengenalpasti lompong kajian tentang sejarah intelektual yang menggunakan falsafah perjuangan di Vietnam. Sumber sekunder ini diperolehi di Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris (USPI), Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan atas talian. Sumber sekunder ini digunakan untuk mendapatkan pelbagai pandangan tentang corak hubungan serta membantu penulis dalam mendapatkan pandangan menyeluruh tentang kajian yang pernah dilakukan, sumber yang digunakan, bentuk analisi dan bentuk penulisan yang digunakan dalam menghasilkan penulisan tersebut. Selain daripada itu, usaha tersebut juga dapat





menentukan kedudukan penyelidikan ini dalam kalangan sejarawan falsafah tokoh intelektual Asia Tenggara.

Seterusnya, kaedah kritikan sumber juga diamalkan dalam memastikan sumber yang digunakan itu adalah sah dan tulen. Untuk dokumen yang diperolehi daripada arkib, kritikan luar tidak perlu dilaksanakan kerana ia telahpun dipastikan agensi tersebut tentang ketulenannya. Walaubagaimanapun, kritikan dalaman masih perlu dilaksanakan bagi memastikan maklumat yang tertulis dalam dokumen tersebut adalah sah dan tidak diputarbelitkan. Bagi sumber sekunder, kritikan dalaman juga dilaksanakan bagi memastikan yang hasil kajian yang dirujuk tersebut menggunakan sumber yang sah. Selain daripada itu, kritikan dalaman juga dilakukan ke atas sumber kedua bagi memastikan tafsiran yang dibuat oleh penulis tersebut tidak bias atau memihak kepada mana-mana pihak tertentu. Seterusnya proses mengumpul maklumat dilaksanakan daripada kedua-dua sumber tersebut untuk tujuan penyelidikan.

Langkah tersebut dalam menghasilkan penulisan sejarah ialah dengan membuat tafsiran ke atas fakta yang diperolehi daripada sumber primer dan sekunder. Fakta yang diperolehi perlu ditafsirkan bagi menyokong hujah pengkaji dalam membuktikan kajian mereka. Dalam penyelidikan ini, fakta berkaitan dengan penggunaan falsafah klasik dari abad ke-15 telah digunakan kembali dalam prinsip dan tujuan yang sama iaitu memperjuangkan kemerdekaan Vietnam tetapi cara menginterpretasikan falsafah klasik itu dimodenkan ke dalam strategi perjuangan tokoh intelektual pada zaman moden iaitu abad ke-20 ini digunakan untuk menyokong penghujahan dalam penyelidikan ini. Tafsiran yang berasaskan fakta diharap dapat menjelaskan lagi perbincangan untuk menjawab persoalan yang dikaji.



Setelah proses heuristik, kritik dan tafsiran dilakukan ke atas fakta yang diperolehi, peringkat seterusnya ialah penulisan sejarah. Untuk memaparkan sejarah, keintelektualan tokoh falsafah Vietnam, pengkaji menggunakan penulisan bercorak naratif, deskriptif dan analitikal. Kaedah ini membolehkan pengkaji mentafsir fakta masa lalu dan menyusunkannya dalam bentuk kesatuan yang menyeluruh. Penulisan berbentuk naratif akan menghasilkan penulisan sejarah yang menekankan perubahan dan kesinambungan sesuatu isu.<sup>6</sup> Oleh itu, unsur kronologi merupakan amat penting dalam penulisan kajian ini.

Penulisan dalam bentuk deskriptif melibatkan cara penulisan yang melibatkan penerangan lebih jauh daripada hanya memberitahu sesuatu subjek. Kaedah ini membantu menyingkap, memaparkan atau mendedahkan sesuatu perkara agar lebih mudah difahami<sup>7</sup>. Pendekatan kaedah penulisan ini adalah penting bagi membantu penulis menyampaikan hasil kajian yang dijalankan supaya nampak lebih jelas dan ilmiah. Penyampaian dalam bentuk ini juga lebih mudah untuk memberikan kefahaman mengenai fakta yang cuba disampaikan oleh penulis dalam penulisannya. Dalam kajian ini, penulis akan menggunakan beberapa kaedah penulisan yang bersesuaian dengan perbincangan dalam setiap bab dalam kajian ini bagi menjadikan latihan ilmiah ini lebih bersepadu dan menarik.

Pendekatan kaedah analitikal yang digunakan penulis dalam menyampai hasil kajian juga amat penting dalam memastikan sumber-sumber yang diperolehi oleh

---

<sup>6</sup> F.R.Ankersmith. (1987). *Refleksi tentang sejarah*. Jakarta : Gramedia. Hlm, 226

<sup>7</sup> Bilcher Bala. 2000. *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm, 112

penulis dapat disampaikan secara jelas. Pendekatan analitikal ini merupakan satu pendekatan sejarah yang bersifat kritis. Dalam bentuk penulisan ini penulis perlu memberi gambaran kritis dan jelas dalam penulisannya.<sup>8</sup> Gaya penulisan ini juga menuntut penggunaan pemikiran, kupasan, olahan dan renungan yang mendalam. Oleh itu dalam kaedah pendekatan ini pengkaji akan cuba membuat penelitian, menganalisis dan menilai sumber-sumber asli yang ada serta mengembangkan fakta-fakta yang sedia ada.<sup>9</sup> Penggunaan kaedah penulisan ini bukan sahaja memantapkan hasil penulisan penulis tetapi turut menjamin ketepatan fakta yang diperolehi oleh penulis dalam penulisannya.

## 1.8 Literature Review

Penulis memulakan dengan penulisan Joseph Buttinger yang bertajuk *Vietnam : A Political History*.<sup>10</sup> Tulisan Joseph Buttinger ini telah dipilih sebagai bab 1 kerana ia menghuraikan dengan baik soal sejarah negara Vietnam semasa kemasukan China (abad ke-15) dan Perancis awal abad ke-18 lagi sehingga terjadinya perang dunia kedua. Penulis juga menjelaskan dalam tulisan ini bagaimana berlakunya penguasaan Perancis setelah Vietnam merdeka setelah terlepas dari cengkaman China.

---

<sup>8</sup> *ibid*.Hlm,112

<sup>9</sup> Arbai'yah Mohd Noor. 2002. *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*. Hlm, 21

<sup>10</sup> Joseph Buttinger. 1968. *Vietnam : A Political History*. Praeger : University of Michigan. Hlm, 11 11

Nguyen Do dan Paul Hoover. 2010. *Beyond the Court Gate : Selected Poems of Nguyen Trai*. Canada : Counterpath Press. Hlm, 1-28

Joseph Buttinger juga telah membincangkan bagaimana China mula menjajah Vietnam bermula dari abad ke-10 lagi dan juga penulis ada menyatakan beberapa tokoh pejuang Vietnam yang berjuang semasa era penjajahan China lagi hingga ke era penjajahan Perancis. Dalam buku ini juga, beliau telah menyatakan secara terperinci bagaimana Vietnam pada suatu ketika dahulu boleh terpisah menjadi dua wilayah iaitu Vietnam Utara dan Vietnam Selatan . Selain itu, ada juga penjelasan tentang faktor-faktor yang menyebabkan pencantuman Vietnam semula menjadi satu demi membebaskan negara daripada cengkaman para penjajah.

Buku *Beyond the Court Gate : Selected Poems of Nguyen Trai* hasil tulisan Nguyen Do dan Paul Hoover membincangkan secara langsung tentang tokoh ahli falsafah tradisional Vietnam iaitu Nguyen Trai. Penulisan ini menyentuh tentang sejarah hidup Nguyen Trai sejak kecil sehingga beliau meninggal pada 1442. Buku ini juga banyak mengulas tentang sajak-sajak beliau yang dihasilkan semasa beliau dipenjarakan akibat daripada fitnah golongan diraja. Sajak-sajak beliau banyak memberikan kesan yang mendalam dalam jiwa setiap masyarakat umum yang membacanya. Buktinya, selepas 600 tahun, penyair moden dari Amerika iaitu Nguyen Do dan Paul Hoover menterjemahkan semula sajak-sajak Nguyen Trai. Hal ini kerana, mereka merasakan puisi-puisi yang dicoretkan itu sangat dekat dengan hati mereka. Buku ini banyak membantu penulis untuk lebih mengenali diri Nguyen Trai selanjutnya mampu untuk menulis tentang beliau dengan lebih teliti lagi.

Tesis Ph.D yang ditulis oleh Vu-Dinh Dinh bertajuk *Proclamation of Victory (Binh Ngo Dai Cao) : Translation and Annotations of a Fifteenth Century Vietnamese*



*Document*<sup>11</sup> membincangkan tentang zaman sebelum Maharaja Le Loi dan kemunculan Nguyen Trai. Beliau hanya membuat kajian tentang salah satu sajak Nguyen Trai yang terkenal sehingga sekarang dan sajak itu dianggap sebagai sajak kebangsaan negara Vietnam pada masa dulu sehingga sekarang. Hal ini kerana, sajak ini lebih sesuai untuk dikaji dengan lebih terperinci ekoran daripada peristiwa peperangan yang ada di dalam isi sajak tersebut. Peperangan tersebut dari awal sampai akhir dicoretkan sepenuhnya dalam sajak ini oleh Nguyen Trai sebagai luahan dan sisipan sejarah untuk generasi beliau.

Artikel “*The References of Vietnamese States and the Mechanisms of World Formation*”<sup>12</sup> hasil tulisan Alexander L Vuving. Dalam tulisan Alexander ini, beliau banyak mengkaji tentang cara untuk menerokai idea dan pemikiran 4 orang tokoh. Beliau memberi penekanan terhadap tokoh pada abad ke-11 ( Ly Thuong Kiet), abad ke15 ( Nguyen Trai), pertengahan abad ke-20 ( Ho Chi Minh) dan akhir abad ke-20 ( Le Duan). Tokoh Ho Chi Minh dipilih ekoran terdapat bukti beliau menggunakan platform penyebaran falsafah yang sama dengan Nguyen Trai tetapi lebih moden.

Artikel *The Vietnamese Intellectuals in Revolutionary and Postcolonial Times* juga dijadikan rujukan dalam *literature review* penulis. Artikel ini hasil garapan Susan Bayly<sup>13</sup> Dalam tulisan beliau, beliau banyak menjelaskan tentang ahli-ahli intelektual

---

<sup>11</sup> Vu-Dinh Dinh. 2001. *Proclamation of Victory (Binh Ngo Dai Cao) : Translation and Annotations of a Fifteenth Century Vietnamese Document*. Vietnam : The Gioi Publishing Company. Hlm 1-25

<sup>12</sup> Alexander L Vuving. 2001. The References of Vietnamese States and the Mechanisms of World Formation. *Asien, April* (79 ), 62 -86

<sup>13</sup> Susan Bayly. 2004. The Vietnamese Intellectuals in Revolutionary and Postcolonial Times. *Research Articles*, 24(3), 320-344





di Vietnam bermula dari zaman klasik atau feudal lagi sehingga kepada zaman penjajahan Perancis dan Perang Dunia II. Dalam garapan beliau ini, banyak dinyatakan tempoh masa dan perjuangan-perjuangan tokoh-tokoh tersebut seperti Nguyen Trai, Phan Dinh Phung, Gia Dinh, Vo Nguyen Giap dan ramai lagi.

Jurnal bertajuk *Nguyen Trai's Binh Ngo Dai Cao of 1428 : The Development of a Vietnamese National Identity*<sup>14</sup> hasil tulisan Stephen O'Harrow membincangkan tentang sajak Nguyen Trai secara terperinci dengan memfokuskan kepada satu sajak terkenal Trai iaitu *Binh Ngo Dai Cao*. Artikel ini banyak membantu penulis untuk memahami sajak tulisan Trai dalam aspek menimbulkan semangat pembebasan negara daripada cengkaman kuasa asing seperti Dinasti Ming.

Bagi tokoh Ho Chi Minh pula, penulis banyak merujuk buku-buku tentang peperangan Vietnam yang banyak menjelaskan tentang kepimpinan Ho Chi Minh (Nguyen Tat Thanh). Antara bukunya adalah karya Hal Dareff dalam penulisannya iaitu *The Story Of Vietnam*.<sup>15</sup> Dalam buku ini, beliau menceritakan tentang penglibatan Ho Chi Minh dalam Parti Komunis Vietnam dan juga *Congress* dalam menyebarkan pengaruh perjuangan beliau. Penjelasan beliau sangat terperinci sehingga penulis dapat memahami dengan baik jalan penceritaannya. Kseimpulannya, Ho Chi Minh berjaya membentuk Parti Komunis Vietnam yang diketuai oleh beliau sendiri.

---

<sup>14</sup> Stephen O'Harrow. 1979. Nguyen Trai's Binh Ngo Dai Cao of 1428 : The Development of a Vietnamese National Identity. *Journal of Southeast Asian Studies*, 10 (1), 159-174

<sup>15</sup> Hal Dareff. 1971. *The Story Of Vietnam*. Vietnam : Parents' Magazine Press. Hlm, 92





Tulisan Bui Tin. 1991. *Following Ho Chi Minh : The Memoirs of a North Vietnamese Colonel*<sup>16</sup> merupakan tulisan yang membincangkan perkembangan perjuangan Ho Chi Minh. Beliau mengetengahkan perjalanan perjuangan Ho Chi Minh sejak penglibatannya dalam Parti Komunis Vietnam dan Parti Komunis China ke arah mencapai kemerdekaan negara daripada penjajahan Perancis. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyentuh tentang kaitannya dengan falsafah pembebasan Nguyen Trai atau falsafah tradisional Vietnam yang ingin dikaji melalui disertasi ini.

Penulisan Jean Lacouture yang bertajuk "Ho Chi Minh"<sup>17</sup> membincangkan tentang gerakan Ho Chi Minh yang turut memasukkan elemen kata-kata semangat yang lahir dalam bentuk bait-bait puisi. Ini menjelaskan lagi tentang gerakan Ho Chi Minh berlandaskan bait-bait puisi seperti Nguyen Trai semasa abad ke-14. Hal ini membantu penulis untuk lebih jelas tentang perjuangan mereka untuk melepaskan negara dari cengkaman kuasa asing seperti Perancis, Rusia, Amerika Syarikat.

Jurnal *Ho Chi Minh : A Biographical Introduction*<sup>18</sup> yang ditulis oleh Charles Fenn membincangkan tentang asal usul Ho Chi Minh sejak daripada zaman bapanya iaitu Nguyen Sinh Sac sehingga kepada penglibatan beliau dalam perang .

---

<sup>16</sup> Bui Tin. 1991. *Following Ho Chi Minh : The Memoirs of a North Vietnamese Colonel*. London : C.Hurst and Co Ltd. Hlm, 47

<sup>17</sup> Jean Lacouture. 1970. Ho Chi Minh. *Revue Tiers Monde*, 11 (42/43) ,624-625

<sup>18</sup> Charles Fenn. 1975. Ho Chi Minh : A Biographical Introduction. *The Historian*, 37(4),738-739

<sup>19</sup> John T. McAlister Jr. & Paul Mus. 1970. The Vietnamese and their revolution. *Journal of Peace Research*, 7 (4), 322





Penulisan ini sangat jelas dan menarik sehingga membantu penulis untuk membuat rujukan.

Selain daripada itu, artikel jurnal bertajuk *The Vietnamese and their revolution*<sup>19</sup> hasil garapan John T. McAlister Jr. & Paul Mus juga diambil sebagai rujukan ataupun *literature review*. Dalam penulisan ini, mereka menceritakan tentang golongan intelektual Vietnam dari zaman tradisional dengan zaman elit. Intelektual Vietnam dari zaman tradisional tidak dipengaruhi oleh penjajahan Perancis sebaliknya intelektual dari zaman elit. Mereka menjelaskan tentang bagaimana pengaruh pencerobohan China dahulu dengan penjajahan Perancis pada abad ke-20. Hal ini memberi kefahaman yang lebih kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini dengan lebih terperinci dalam aspek penyebaran falsafah bagi menaikkan semangat rakyat Vietnam menentang dinasti Ming dan kuasa Perancis.



Segala kupasan tentang kajian terdahulu adalah berbeza daripada kajian yang akan dilakukan oleh penulis. Hal ini disebabkan kajian terdahulu mengenai sejarah Vietnam lebih memfokuskan kepada sajak Nguyen Trai. Manakala penulisan penulis sendiri pula lebih berorientasikan kepada bagaimana sajak itu boleh mempengaruhi kejayaan perjuangan meraih kebebasan kerajaan Vietnam sehingga dapat melahirkan tokoh perjuangan pada abad yang berlainan tetapi masih menggunakan falsafah dan ideologi yang sama semasa abad ke-15. Dengan penganalisaan dan perbahasan mengenai sejarah Vietnam ini, tentang impak daripada falsafah perjuangan Nguyen Trai terhadap gerakan pembebasan yang dibawa oleh Ho Chi Minh. Jadi, skop penulis bagi menyiapkan kajian ini adalah ingin mengetengahkan bagaimana falsafah perjuangan Trai ini dapat memberi impak kepada perjuangan Ho Chi Minh. Tokoh utama yang menjadi pilihan penulis ialah tokoh Nguyen Trai (*North Vietnam*) yang



sangat rapat dengan Maharaja Le Loi dan juga Ho Chi Minh yang berjuang di bawah Phan Dinh Phung pada era 20-an. Skop kajian penulis lebih kepada perjuangan Ho Chi Minh dan falsafah Nguyen Trai.

### 1.9 Pembahagian Bab

Dalam penulisan ini penulis membahagikan kajian kepada enam bab utama. Pembahagian bab ini adalah mengikut tajuk dan perbahasan penulis mengenai kajian yang dijalankan. Bab satu dalam penulisan ini merupakan perancangan dan pengenalan awal kepada permulaan terhadap kajian yang dijalankan. Dalam bab ini beberapa perkara yang berkaitan rancangan kajian diterangkan secara umum dan serba ringkas. Antara perkara yang disentuh dalam bahagian ini adalah seperti skop kajian, objektif dan tujuan kajian dijalankan, metodologi yang digunakan dalam kajian.

Bab dua membincangkan latar belakang atau sejarah tokoh terbabit (Nguyen Trai dan Ho Chi Minh) dalam mencapai kebebasan kerajaan Vietnam dan pembentukan itu akan dirungkaikan dengan lebih terperinci. Latar belakang atau sejarah tersebut memaparkan mengenai perkembangan perjuangan tokoh bermula penglibatan awal sehingga kepada akhir penglibatan Ho Chi Minh iaitu pada 1969. Dalam bahagian ini juga, hasil penulisan menyentuh mengenai objektif awal dan sebab utama berlakunya perjuangan ini serta kepentingannya kepada negara Vietnam.

Bab tiga pula meneliti aspek berkaitan dengan bagaimana Ho Chi Minh menyertai peperangan dengan menggunakan falsafah Nguyen Trai. Selain itu penulis akan cuba untuk menjelaskan serta memperincikan secara mendalam mengenai tanggungjawab sebenar tokoh intelektual Vietnam ini kepada kesejahteraan hidup

rakyat Vietnam di utara. Punca kepada kejayaan yang dicapai oleh tokoh ini akan dibahaskan sama ada ia sememangnya menyumbang kepada kemerdekaan negara tersebut dan bagaimana hal tersebut berlaku?. Kombinasi intrinsik dan ekstrinsik iaitu faktor kejayaannya mencapai matlamat yang telah ditetapkan akan dibahaskan dan dirungkai satu-persatu oleh penulis.

Di dalam bab empat ini pula, penulis akan cuba untuk melakukan analisis tentang kesan daripada amalan penggunaan falsafah pembebasan oleh masyarakat terhadap perjuangan Ho Chi Minh. Aspek kegiatan yang dilakukan oleh pihak yang terbabit akan dirungkaikan oleh penulis secara terperinci dan keberkesanan setiap strategi tersebut mampu menghasilkan natijah yang berkesan bukan sahaja kepada rakyat tersebut malah terhadap negara itu sendiri.

Bab 5 pula merupakan analisis tentang keberkesanan pengaruh tradisional yang dibawa oleh Nguyen Trai terhadap pergerakan kebangkitan yang dicetus oleh tokoh Ho Chi Minh di era moden. Di sini kita dapat lihat sama ada pengaruh ini berkesan ataupun tidak dalam perjuangan menuntut kemerdekaan Vietnam.

Bab 6 merupakan bab yang terakhir di dalam penulisan penulis. Bab ini merupakan rumusan terhadap dapatan hasil pengkajian yang telah dibuat oleh penulis. Dengan kata lain, penulis akan menyimpulkan hasil penulisan ini secara keseluruhan agar para pembaca dapat mengenal pasti perkara yang mahu ditonjolkan oleh penulis sebenarnya.